

10 AUG 1997

Dunia-Rekod

PEMINAT MODEL KAPAL TERBANG KAWALAN RADIO MAHU CIPTA REKOD DUNIA

LANGKAWI, 10 Ogos (Bernama) -- Seorang peminat model kapal terbang kawalan radio yang mencipta satu rekod Malaysia Ahad lalu kini berhasrat memecahkan rekod dunia semasa Pameran Antarabangsa Maritim dan Udara Langkawi 1997 (LIMA' 97) di sini Disember ini.

Haji Mahamad Yusuf Hassan, 51, mencipta rekod bagi merentasi selat dari Pulau Pinang ke Pulau Bidan sejauh 37 km dalam masa satu jam lapan minit tanpa berhenti Ahad lepas.

Bagaimanapun, beliau gagal dalam percubaannya untuk mencipta rekod dunia bagi merentasi selat dari Pulau Pinang ke Langkawi sejauh 90 km pada hari yang sama.

Mahamad Yusuf, pengerusi eksekutif MYHH Hobby Centre, pengedar model kapal terbang di negara ini, berkata beliau akan mengemudikan kapal terbang itu dari sebuah helikopter dari Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas di Pulau Pinang ke Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri di sini, tempat berlangsungnya LIMA '97.

Model kapal terbang itu dirancang tiba ketika Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merasmikan LIMA '97.

Sekiranya beliau berjaya, Mahamad Yusuf akan menjadi rakyat Malaysia yang pertama mencipta rekod dunia.

Rekod dunia sekarang ialah merentasi Selat Inggeris sejauh 17 km, bagi jarak lebih 100 km dengan menggunakan model kapal terbang kawalan radio.

Semasa percubaannya yang terakhir, Mahamad Yusuf berlepas dengan menggunakan bot laju tetapi angin kuat menghampakan usahanya untuk tiba di Dataran Lalang di sini selepas mengisi minyak di Pulau Payar.

"Saya akan mencuba sekali lagi untuk memecahkan rekod itu kerana saya ingin membuktikan bahawa Malaysia Boleh," katanya.

Beliau akan menggunakan model yang sama seperti yang digunakan oleh Giichi Naruke, johan dunia di Kejohanan Akrobatik Udara Dunia 1995, dengan kapasiti enjin 86cc.

Beliau mendakwa semasa percubaannya sebelum ini, termasuk pada minggu lepas, beliau mengesan beberapa gangguan oleh pihak-pihak tertentu yang menggunakan frekuensi yang sama iaitu 40.850 mega hertz dan terpaksa mengubah tempat dan masa penerbangan. -- BERNAMA

NH NN AKD